

Pemerintahan PAS di Pantai Timur

Semoga Dapat Menjiwai Dasar-Dasar Islam di Tanah Melayu

Alhamdu illāh! segala puji bagi Allah, Tuhan yang menjadikan sekalian alam. Bersyukurlah kita kepada-Nya kerana ketetapan yang telah ditentukan-Nya menurut segala apa yang dikehendaki-Nya sesungguhnya Tuhanlah yang amat Mengetahui dan kepada Tuhan jualah tempat kita meminta.

Setelah melihat kepada keputusan-keputusan pilihan raya negeri yang telah dijalankan dalam bulan-bulan yang lalu, maka seluruh rakyat di dua buah negeri iaitu Terengganu yang pernah digelarkan “Darul Iman” dan Kelantan “Darul Naim” itu telah memilih Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS) untuk membentuk jemaah-jemaah menteri pemerintahan di sana. Oleh yang demikian, pada masa ini seluruh perhatian umat di tanah air adalah bertumpu ke sana, terutamanya perhatian dari umat Islam bangsa Melayu, dengan segala pengharapan yang sangat besar pula.

Dengan adanya pemerintahan kerajaan “PAS” di Pantai Timur, nyatalah bahawa ada kemungkinan yang suasana di tanah air kita ini akan mempunyai perubahan-perubahan yang nyata daripada apa yang berlaku seperti dahulu itu. Dan semoga segala perubahan-perubahan itu akan memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat seluruhnya sebagaimana yang diharap-harapkan.

(oleh: ‘Ālimīn)

Dengan itu akan dapat kita lihat bersama dalam masa yang tak berapa lama lagi, walaupun belum dapat kita meramalkan dari sekarang, tetapi roda perubahan masa tetap berputar terus mengikuti zaman.

Islam di Dunia

Mengingat kepada sejarahnya menurut dari kacamata Islam, bahawa dunia ini berserta dengan segala isinya yang penuh padat itu, adalah dijadikan oleh Tuhan yang Maha Berkuasa. Dan bagi menghendaki supaya dia aman, tenteram, mewah dan makmur untuk masyarakat manusia seluruhnya maka Tuhan telah memberikan

pertunjuk-pertunjuk yang baik-baik dengan melalui Rasūl-rasūl-Nya dan Nabī-nabī-Nya hingga kepada Nabī besar kita Muḥammad ibn ‘Abd Allāh yang menerangkan dengan tegasnya faham-faham Islam kepada semua manusia. “*Wa mā arsalnāka illā rahmatan li al-‘ālamīn*” (Tiada Kami utuskan kamu hai Muḥammad melainkan untuk membawa rahmat kepada alam seluruhnya). Islamisme nyatalah bukannya suatu faham Islam yang baru di dunia ini, tetapi telah hampir 1,400 tahun sudah, dan pernah pula menjadi suatu dasar pemerintahan kerajaan di dunia Islam secara kenyataan – praktikal – dengan sempurna dan maha agung kerana menuruti perintah dan segala kehendak Allah *rabb al-‘ālamīn*.

Ingin Kepada Kesejahteraan

Sesungguhnya setelah jelas kepada kita, bahawa pada masa ini seluruh umat di tanah air kita ini, terutama bangsa Melayu, setelah hampir enam ratus tahun sudah lamanya, nasibnya terumbang-ambing diperlakukan oleh berbagai-bagai isme penjajah, diperas serta ditindas dalam banyak perkara, maka sekali lagi telah nyatalah kepada kita yang tiap-tiap seorang daripada orang-orang kita itu sekarang sangat-sangat ingin kepada kesejahteraannya, kesejahteraan dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Sesungguhnya hanyalah panduan hidup menurut Islam itulah sahaja yang menyampaikan kepada daratan sejahtera sama ada di dunia ini mau pun di akhirat kelak. Oleh itu tegakkanlah ideologi Islam menjadi dasar kita bersama dalam mencapai cita-cita indah bahagia itu. *"In tanṣūrū Allāha yanṣurkum"* (Jika kamu menolong – agama – Allah, nescaya Allah akan menolong kamu!).

Sosialisme dan Demokrasi dalam Islam

Buhubung¹ dengan perkara-perkara sosialisme dan demokrasi di dalam Islam bukan hanya ada, tetapi diperlukan dan digalakkkan. Dalam Islam diperlukan perdamaian, saling, menghormati, berbaik sangka, tolong menolong dalam masa kesusahan dan lain-lain lagi. Juga dikehendaki dalam Islam berlaku adil, bertimbang rasa mengutamakan segala keperluan orang ramai, bermuafakat, berunding, berbincang dan sebagainya lagi. Perkara-perkara curang, zalim, aniaya, memeras, menindas, memperhamba dan memperkosa antara satu dengan yang lain adalah dilarang keras dalam Islam. Tegasnya dalam Islam tidak ada sifat-sifat yang hina yang boleh diperlakukan sewenang-wenang. Kiranya sifat-sifat hina itu ada berlaku juga di kalangan umat Islam, maka itu hanyalah terbit daripada

hawa nafsu orang seorang itu belaka, tetapi bukanlah itu ajaran Islam.

Pantai Timur Jadi Perhatian

Dengan berkuasanya kerajaan dari Persatuan Islam Se-Tanah Melayu – PAS – di Pantai Timur itu sekarang ini adalah menjadi perhatian yang terutama dari seluruh rakyat di tanah air, kerana hal keadaan di sana dikatakan adalah masih belum maju dalam banyak perkara seperti di lain-lain tempat di negara kita ini. Oleh itu sungguh diharapkan supaya kerajaan PAS yang baharu itu hendaknya berjalan lancar dan licin secara bijaksana, cekap, tegas dan adil, supaya negeri-negeri dan rakyat seluruhnya di Pantai Timur itu betul-betul merasai rahmat sepanjang masa. Kiranya nanti kerajaan PAS betul-betul memberikan kebahagiaan dan kelapangan kepada rakyat, kepada masyarakat dan negeri, maka dengan sendirinya PAS akan dapat memberikan jiwa yang hidup bagi ideologi dan dasar Islam di Tanah Melayu ini. Semoga Allah memberikan taufik dan hidayah-Nya.

Baca

Ialah sebuah buku mengenal huruf sambil membaca. Buku bacaan Jawi yang menggunakan cara-cara membaca yang mudah sekali. Gambar-gambarnya baik dan dicetak dengan indahnya. Satu-satunya buku bacaan yang bersesuaian dengan keadaan dan masa.

Buku yang pertama telah siap buku yang kedua sedang dicetak - gambar-gambarnya lebih cantik dan lebih menarik. Susunannya sangat molek dan menarik. Diakui sebaik-baik teknik dalam buku bacaan Jawi.

Senaskhah \$1.00 post 10 sen.

¹ Kesilapan ejaan dalam teks. Sebetulnya ‘Berhubung’.